



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai tender berikut:

<b>NO. TENDER</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KOD BIDANG PENDAFTARAN</b>	<b>HARGA DOKUMEN</b>	<b>KETETAPAN TAKLIMAT</b>
T/SUKNS/ Bil. 3/2019	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Projek Peralihan <i>Network Switch</i> di Bangunan Wisma Negeri  <b><u>PERINGATAN :</u></b>  Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Sebarang rayuan tidak akan diterima. Dokumen tender boleh dibeli sebelum tarikh taklimat.	210101 210102 210105	RM50.00 setiap satu borang	19 Jun 2019 (Rabu)  10.00 pagi  <b>Tempat:</b> Bilik Mesyuarat Unit Pengurusan Teknologi Maklumat, Tingkat 3, Blok B, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.  * Lawatan tapak akan diadakan selepas sesi taklimat

Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat mulai **13 Jun 2019 hingga 4 Julai 2019** di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor/ Pembekal dikehendaki membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa membeli dokumen tender.

Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan sijil-sijil tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam peti tender yang ditetapkan di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (Unit Kewangan), Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari, 4 Julai 2019 (Khamis)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan mana-mana syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh ditetapkan tidak layak memasuki tawaran tender.